


**LAPORAN PENYELIDIKAN****APLIKASI LAMAN WEB AL-DURAR AL-SANIYYAH DALAM  
MENTAKHRIJKAN HADIS: KAJIAN KES DI FAKULTI  
PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH  
(UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA)****KOD: PPP/FQS-04-10908**

Perpustakaan USIM



1000052924


**Ketua Penyelidik:****Syed Najihuddin Bin Syed Hassan****Penyelidik Bersama:****Zulhilmi Bin Mohamed Nor****Ahmad Sanusi Bin Azmi****Noor Najihan Binti Jaafar****Mohd Zohdi Bin Mohd Amin****UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA****OGOS 2009**



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



## Laporan Penyelidikan

**APLIKASI LAMAN WEB AL-DURAR AL-SANIYYAH DALAM  
MENTAKHRIJKAN HADIS: KAJIAN KES DI FAKULTI PENGAJIAN QURAN  
DAN SUNNAH (UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA)**

---

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan

Tel: 06- 7986700

## **PENGAKUAN**

Kami akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan tiap- tiap satunya kami jelaskan sumbernya.

Tarikh: 11 Ogos 2009

Ketua Penyelidik:

Syed Najihuddin Bin Syed Hassan

Penyelidik Bersama:

Zulhilmi Bin Mohamed Nor

Ahmad Sanusi Bin Azmi

Noor Najihan Binti Jaafar

Mohd Zohdi Bin Mohd Amin

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kami bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dapat menjayakan penyelidikan yang bertajuk Aplikasi Laman Web al-Durar al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadis: Kajian Kes Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah (USIM) sebagaimana yang diharapkan. Pada kesempatan ini, kami kumpulan penyelidik dengan penuh takzim ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), YBhg. Prof Dato' Naib Canselor dan pihak Pengurusan Tertinggi USIM kerana telah memberi peluang kepada kami bagi menjalankan penyelidikan ini.

Kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Universiti serta Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah kerana telah meluluskan tajuk penyelidikan ini serta membimbing kami dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang turut serta dalam membantu menjayakan penyelidikan ini yang terdiri Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, pensyarah-pensyarah serta pelajar-pelajar yang sedia menjadi responden dan seterusnya turut menyumbang tenaga dan buah fikiran sehingga sempurnanya penyelidikan ini.

Kami berdoa semoga segala jasa, bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan mendapat keberkatan, keredaan dan seterusnya mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda daripada Allah s.w.t.

Penyelidik

Syed Najihuddin Bin Syed Hassan  
Zulhilmi Bin Mohamed Nor  
Ahmad Sanusi Bin Azmi  
Noor Najihan Binti Jaafar  
Mohd Zohdi Bin Mohd Amin

11 Ogos 2009

## ABSTRACT

This research revolves the effectiveness of *al durar al saniyyah's* website in *takhrij hadith*. This research aims to study the background of *al durar al saniyyah's* website, to evaluate the effectiveness of this website in teaching and learning for the *takhrij hadith's* subject, to study how far this website easy to be used, and to identify several advantages and weaknesses of this website. This research can be categorized as a field research which involve preparation of the report by a descriptive quantitative methodology. Hence, the instruments used in this research are through observations, questionnaires and interviews. This research clearly showed that *al durar al saniyyah's* website really contributes in *takhrij hadith*, and also beneficial in teaching and learning process. Beside, this website is easy to be understood and yet to be used. A few advantages and weaknesses of this web site had been notified as well. As a conclusion, *al durar al saniyyah's* website must be introduced among students as an instrument in teaching and learning for the *takhrij hadith's* subject, and as an instrument in *takhrij hadith's process* generally.

## ABSTRAK

Kajian ini berkisar tentang keberkesanan penggunaan web *al-Durar al-Saniyyah* dalam mentakhrijkan hadis. Antara objektif kajian ialah mengkaji latar belakang laman web, menilai keberkesanan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mengkaji sejauh mana laman web ini mudah digunakan, dan mengenal pasti beberapa keistimewaan dan kelemahannya. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan yang membabitkan penyediaan laporan secara deskriptif kuantitatif. Justeru, medium yang dirancang adalah melalui pendedaran borang soal selidik serta kaedah temu bual yang membantu perincian kajian. Hasil penyelidikan mendapati bahawa penggunaan web ini membantu dalam mentakhrijkan hadis, sekaligus melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran hadis. Tambahan laman web ini mudah difahami dan dipelajari. Beberapa kelebihan dan kekurangan dalam penggunaan web ini dalam mentakhrijkan hadis dapat dikenal pasti. Kesimpulan, web *al-Durar al-Saniyyah* perlu diperkenalkan sebagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran hadis, serta alat bantu dalam proses mentakhrijkan hadis secara umum.

## ملخص البحث

هذه الدراسة تتعلق عن مدى فعالية استخدام موقع الدرر السنية في استخراج الحديث، والهدف الرئيسي من هذه الدراسة هو دراسة الخلفية الذاتية لهذا الموقع وتقييم مهارته وإتقانه، ومدى قيمته وقبوله عند المستخدمين في عملية التعليم والتعلم. والبحث عن مدى سهولة استخدام الموقع، والتعرف على مميزاته وضعفه. ومنهج هذا البحث هو المنهج الميداني ويشمل تقديم تقارير وصفية وكمية، وذلك عن طريق الاستبيانات وهي عبارة عن أسئلة مساعدة للبحث وعن طريق المقابلة الشخصية. ونتيجة هذا البحث هو استخدام هذا الموقع باعتباره وسيلة مساعدة في عملية تخريج الحديث بالإضافة الى ذلك الإسراع في عملية التعليم والتعلم في مادة تخريج الحديث، ومن السهل فهم وتعلم هذا الموقع. ولهذا الموقع عدة مزايا وعيوب في تخريج الحديث يمكن تحديدها، وخلاصة القول يجب على الطلبة التعرف لهذا الموقع المتميز باعتباره أداة تعليمية مساعدة في عملية التعليم والتعلم في مادة الحديث، وأداء تعليمية مساعدة أيضاً في تخريج الحديث بصفة عامة.

## SENARAI KANDUNGAN LAPORAN KAJIAN

Kandungan	Halaman
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstract	iii
Abstrak	iv
ملخص البحث	v
Senarai Kandungan Laporan Kajian	vi
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN KAJIAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.2.1 Permasalahan Kajian	3
1.2.2 Persoalan Kajian	3
1.2.3 Matlamat Kajian	4
1.2.4 Objektif Kajian	4
1.2.5 Kepentingan Kajian	5
1.2.6 Skop dan Batasan Kajian	6
1.2.7 Tinjauan Kajian Lepas	6
1.3 Metodologi Kajian	8
1.3.1 Bentuk Kajian	8
1.3.2 Sampel Kajian	8
1.3.3 Kaedah Pensampelan	8
1.3.4 Instrumen Kajian	10
1.3.5 Prosedur Statistik	11
1.4 Kos Penyelidikan	11
1.5 Anggota Penyelidik	11

**BAB DUA: TAKHRIJ HADIS DAN APLIKASINYA DALAM LAMAN WEB 12**  
***AL-DURAR AL-SANIYYAH***

2.1	Ilmu Takhrij Hadis Dan Kepentingannya	12
2.1.1	Pengenalan	12
2.1.2	Definisi <i>Takhrij al-Hadith</i>	13
2.1.3	Syarat-syarat seorang pentakhrij ( <i>mukharrij</i> )	14
2.1.4	Faedah dan Kepentingan <i>Takhrij al-Hadith</i>	15
2.2	Sejarah Perkembangan Ilmu Takhrij	18
2.3	Teknik-Teknik Asas Ilmu Takhrij	23
2.3.1	Keadaan Nas Yang Ingin Ditakhrijkan	23
2.3.2	Kaedah Takhrij Hadis	23
2.4	Takhrij Al-Hadith Menggunakan Laman Web Tertentu (Tumpuan Kepada Laman Web <i>Al-Durar Al-Saniyyah</i> ) الدرر السنية	25
2.4.1	Pengenalan Terhadap Laman Web	26
2.4.2	Ruangan Ensiklopedia Hadis	27
2.4.3	Cara menggunakan Ensiklopedia Hadis	28
2.4.4	Kelebihan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	30
2.4.5	Kelemahan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	30

**BAB KETIGA: PERSEPSI PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN  
QURAN DAN SUNNAH TERHADAP LAMAN WEB *AL-DURAR*  
*AL-SANIYYAH***

3.1	Demografi Responden	34
3.1.1	Jantina	34
3.1.2	Fakulti	35
3.1.3	Program Pengajian	35
3.1.4	Tahun Pengajian	36
3.1.5	Pengalaman Menggunakan Komputer	37

3.2	Kemahiran Mentakhrij Hadis	38
3.2.1	Tahap Kemahiran Takhrij Hadis	38
3.2.2	Pengetahuan Tentang Perisian Berkomputer Yang Menyediakan Kemudahan Takhrij Hadis	39
3.2.3	Pengetahuan Tentang Laman Web Yang Menyediakan Kemudahan Takhrij Hadis	40
3.3	Maklum Balas Penggunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	41
3.3.1	Penggunaan Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Mampu Menyelesaikan Tugas Dengan Lebih Cepat	43
3.3.2	Penggunaan Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Mampu Memperbaiki Mutu Tugas	44
3.3.3	Penggunaan <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Dapat Meningkatkan Produktiviti Kerja	46
3.3.4	Penggunaan <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Dapat Meningkatkan Keberkesanan Terhadap Tugas	47
3.3.5	Penggunaan <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Dapat Menjadikan Kerja Lebih Mudah	49
3.3.6	Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Dirasakan Sangat Berguna	50
3.3.7	Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Mudah Dipelajari	52
3.3.8	Penggunaan Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Memudahkan Untuk Mendapatkan Hasil Yang Diingini.	53
3.3.9	Berinteraksi dengan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Jelas Dan Mudah Difahami	55
3.3.10	Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Fleksibel Semasa Interaksi	56
3.3.11	Mudah Memahirkan Diri Menggunakan Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	58
3.3.12	Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Mudah Digunakan	59

3.4	Kelebihan dan Kelemahan Penggunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Dalam Mentakhrijkan Hadis Serta Cadangan Penambahbaikan.	60
3.4.1	Kelebihan Penggunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	60
3.4.2	Kekurangan Penggunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	62
3.4.3	Cadangan Penambahbaikan Terhadap Penggunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	64

**BAB KEEMPAT: PERSEPSI PENSYARAH FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH TERHADAP LAMAN WEB AL-DURAR AL-SANIYYAH** 65

4.1	Demografi Responden	67
4.1.1	Jantina	67
4.1.2	Pengkhususan Di IPTA	67
4.2	Maklumat Umum Responden	68
4.2.1	Pendedahan/Pembelajaran Tentang Kaedah Takhrij Hadis	68
4.2.2	Bentuk Pendedahan/Pembelajaran Tentang Kaedah Takhrij Hadis	69
4.2.3	Tahap Kemahiran Dalam Takhrij Hadis	69
4.2.4	Langkah Yang Diikuti Dalam Mengenalpasti Status Kesahihan Sesebuah Hadis	70
4.2.5	Pengalaman Dalam Membuat Kajian Isnad Hadis	71
4.2.6	Pengalaman Takhrij Hadis Menggunakan Aplikasi/ Perisian Takhrij Berkomputer	71
4.2.7	Pengalaman / Pengetahuan Tentang Aplikasi Takhrij Melalui Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	73

4.3 Aplikasi Takhrij Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	74
4.3.1 Kursus Yang Diajar Melibatkan / Memerlukan Penggunaan Kaedah Ilmu Takhrij	74
4.3.2 Mengajar Pelajar Teknik Takhrij Hadis	74
4.3.3 Memberi Galakan Kepada Pelajar Agar Menggunakan Aplikasi/ Perisian Takhrij Berkomputer	75
4.3.4 Memberi Galakan Kepada Pelajar Agar Menggunakan Aplikasi/ Perisian Takhrij Di Internet	76
4.3.5 Memberi Galakan Kepada Pelajar Agar Menggunakan Aplikasi/ Perisian Takhrij Di Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	76
4.3.6 Memberi Penekanan Kepada Pelajar Terhadap Ketepatan Sesebuah Hadis Di Dalam Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran	77
4.3.7 Memberi Tugas Kepada Pelajar Yang Memerlukan Pelajar Menilai Kesahihan Sesebuah Hadis	77
4.3.8 Kelebihan dan Kekurangan Aplikasi Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Berbanding Teknik Lain Dalam Ilmu Takhrij	78
4.3.8.1 Kelebihan Penggunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	78
4.3.8.2 Kekurangan Penggunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i>	80
4.3.9 Kebergunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Dalam Takhrij Dan Kajian Hadis	82
4.3.10 Penggunaan Laman Web <i>al-Durar al-Saniyyah</i> Dalam Meningkatkan Mutu Pengajaran dan Pembelajaran Hadis IPTA	83
<b>BAB LIMA: DAPATAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	84
5.1 Dapatan dan Rumusan Kajian	84
5.2 Cadangan Kajian	93
<b>BIBLIOGRAFI</b>	96
<b>LAMPIRAN A – BORANG SOAL SELIDIK (PELAJAR)</b>	98
<b>LAMPIRAN B – SET SOALAN TEMUBUAL (PENSYARAH)</b>	102

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN KAJIAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Peredaran zaman dan perkembangan teknologi di era globalisasi ini secara tidak langsung menghakis nilai Islam berikutan ledakan maklumat dan cabaran semasa yang semakin mencabar. Di dalam menghadapinya ada kalanya umat Islam seolah-olah hilang pedoman dan arah. Selepas peristiwa 11 September, pelbagai musibah dan kacau-bilau berlaku di kalangan umat Islam. Rentetan daripada itu, kesedaran umat Islam untuk kembali kepada pangkal jalan, iaitu kepada panduan Quran dan Sunnah menjadi semakin mendesak. Penghayatan terhadap sumber-sumber perundangan Islam perlu disebarluaskan demi memandu umat Islam kepada ajaran yang sebenarnya.

Dalam pada itu, koleksi Sunnah perlu didalami dan dihayati semula untuk dijadikan panduan hidup. Usaha mengkaji koleksi sunnah dan ketulenannya menjadi semakin penting khususnya di kalangan para ilmuwan Islam merentasi disiplin ilmu. Ini berlaku kerana keperluan merujuk kepada sumber autentik dan dipercayai boleh meningkatkan kebolehpercayaan terhadap ilmu yang disampaikan. Justeru, bidang pengajian hadis, yang dahulunya menjadi satu bidang eksklusif bagi para pengkaji hadis, kini menjadi semakin perlu untuk dikongsi bersama oleh para ilmuwan Islam, bagi melonjakkan semula umat Islam ke garis hadapan masyarakat dunia.

Koleksi hadis yang sangat berharga ini, seharusnya sedia untuk dimanfaatkan oleh umat manusia sejagat dalam mencari kekuatan Ummah. Namun, kekurangan keupayaan ilmuwan Islam dalam meneroka koleksi hadis dikenal pasti sebagai salah satu batu penghalang yang perlu dicari penyelesaiannya. Koleksi hadis yang terdiri daripada pelbagai bentuk dan susunan memerlukan para pengkaji benar-benar mahir tentang selok-belok buku hadis sebelum melayakkan pengkaji menelusuri pengkajian hadis daripada sumbernya yang asli.

Usaha-usaha telah dijalankan oleh pakar hadis agar carian hadis menjadi lebih mudah. Pelbagai teknik telah diguna pakai dalam merealisasikan hasrat tersebut sejak dahulu lagi. Teknik tradisional iaitu merujuk kitab-kitab turath yang dialami oleh para ilmuwan hadis telah membuktikan bahawa usaha pemudahcarian telah diselaraskan sebelum ini. Perkembangan teknologi maklumat masa kini juga telah lebih memudahkan carian hadis secara digital. Pelbagai perisian dan laman web menyediakan khidmat akses maklumat hadis juga boleh didapati secara mudah.

## 1.2 Latar Belakang

Perkembangan ICT didapati dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dalam mengkaji hadis dengan kemunculan perisian hadis yang berperanan menyimpan ribuan buku dan koleksi hadis dalam bentuk *softcopy* atau capaian digital. Proses pencarian hadis berdasarkan carian perkataan (*word searching*) memudahkan dan mempercepatkan proses pencarian hadis. Terkini terdapat beberapa laman web yang menawarkan kemudahan pencarian dan akses hadis sama seperti yang disediakan oleh aplikasi hadis di dalam bentuk cakera padat. Di antara web-web yang dapat diakses daripadanya hadis Rasulullah s.a.w. ialah <http://www.islamweb.net>, <http://www.ashefaa.com>, <http://www.dorar.net/enc/mhadith.asp>, <http://hadith.al-islam.com>, <http://www.sultan.org/h> dan sebagainya.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai salah sebuah IPTA baru perlu bergerak sejajar dengan perkembangan semasa dan seharusnya peka terhadap perkembangan teknologi semasa. USIM melalui Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah perlu terkehadapan dalam penggunaan ICT di dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Proses pengajaran dan pembelajaran hadis tidak lagi hanya memakai model tradisional. Justeru, sewajarnya satu kajian khusus dijalankan terhadap penggunaan laman web *al-Durar al-Saniyyah* dijalankan agar dapat dikenal pasti keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran hadis berasaskan laman web seperti ini.

### 1.2.1 Permasalahan Kajian

Proses mentakhrij hadis menggunakan kaedah konvensional, merupakan suatu proses yang agak kompleks. Proses ini memerlukan pelajar mengenali selok-belok kitab hadis serta mahir di dalam proses pencarian hadis di rujukan asal kitab hadis. Ini berikutan metode penyusunan kitab yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Di samping itu, kesukaran untuk membuat rujukan hadis yang terbatas juga menjadi halangan yang sukar diatasi, berikutan koleksi hadis yang sangat terhad di dalam perpustakaan USIM.

Penggunaan laman web hadis seperti *al-Durar al-Saniyyah* dijangka dapat mengatasi masalah yang dihadapi. Ia memudahkan pelajar membuat rujukan hadis dengan kadar bahan rujukan yang hampir tidak terbatas. Selain itu, pelajar juga boleh membuat rujukan hadis sekalipun berada di luar kampus, iaitu di mana sahaja yang membolehkan mereka mengakses internet. Namun begitu penggunaannya di kalangan pelajar, bahkan di kalangan para pensyarah masih begitu minimum dan kurang mendapat sambutan yang meluas. Keadaan ini berkemungkinan beberapa faktor penghalang seperti, kurang pengetahuan, kurang kemudahan, kurang kemahiran pengendalian serta keadaan web tersebut yang kurang mesra pengguna. Seharusnya pelajar USIM sebagai penuntut di universiti yang moden tidak boleh terkecuali daripada mengikuti perkembangan dan kemajuan di dalam bidang ICT.

### 1.2.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian, kajian ini mengenal pasti beberapa persoalan yang perlu dirungkai melalui kajian yang bakal dijalankan. Persoalan tersebut berkitar tentang penggunaan laman web *al-Durar al-Saniyyah* di kalangan pelajar dalam mentakhrij hadis. Antara persoalan-persoalan kajian adalah:

- i. Apakah latar belakang laman web *al-Durar al-Saniyyah*. Ia meliputi kajian terhadap sumber rujukan dan sandaran koleksi hadis yang dimuatkan di dalam laman web tersebut.

- ii. Apakah kelebihan dan kelemahan laman web *al-Durar al-Saniyyah* berbanding teknik lain di dalam takhrij termasuk penggunaan aplikasi hadis. Termasuk di dalam kajian ini, cara penggunaannya serta teknik pengendaliannya.
- iii. Setakat manakah pengetahuan pelajar tentang koleksi hadis dan kemahiran mereka di dalam membuat rujukan hadis menggunakan laman web hadis *al-Durar al-Saniyyah*.
- iv. Sejauh manakah laman web ini membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang hadis khususnya di dalam mentakhrij hadis.
- v. Sejauh manakah penerimaan para pelajar dan ahli akademik terhadap laman web *al-Durar al-Saniyyah* dalam pengajaran dan pembelajaran hadis di FPQS.

### **1.2.3 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan laman web *al-Durar al-Saniyyah* yang menyediakan perkhidmatan takhrij hadis. Seterusnya, kajian ini akan mengenal pasti tahap keberkesanan laman web tersebut dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran hadis di Fakulti Pengajian Quran dan Hadis berdasarkan pandangan para pelajar dan pensyarah di fakulti.

### **1.2.4 Objektif Kajian**

Kajian ini mensasarkan beberapa objektif utama iaitu:

- i. Mengkaji latar belakang laman web *al-Durar al-Saniyyah*. Ia meliputi kajian terhadap sumber rujukan dan sandaran koleksi hadis yang dimuatkan di dalam laman web tersebut. Hal ini termasuk mengetahui

selok-belok penggunaan web *al-Durar al-Saniyyah* serta teknik pengendaliannya.

- ii. Menilai tahap kemahiran, penilaian dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan web *al-Durar al-Saniyyah* di dalam kehidupan sebagai mahasiswa universiti serta di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Mengenal pasti kelebihan dan kelemahan laman web *al-Durar al-Saniyyah* berbanding teknik lain di dalam takhrij, menguji keupayaannya membantu pengguna dalam mentakhrij dan membuat kajian hadis, serta menilai sejauh mana kesesuaian aplikasi penggunaan web dalam peningkatan proses P & P hadis di IPTA.

#### **1.2.5 Kepentingan Kajian**

Tajuk kajian ini dipilih berdasarkan kepada justifikasi berikut:

- i. Kajian ini penting berdasarkan kepentingan ilmu takhrij hadis kepada umat Islam dan secara khusus penguasaannya di kalangan mahasiswa dalam pengajian Islam. Berdasarkan ilmu ini, umat Islam menyemak kesahihan sesuatu perkhabaran yang di sandarkan kepada Rasulullah s.a.w.
- ii. Kajian ini boleh dijadikan rujukan di dalam model penggunaan laman web di dalam kursus ilmu takhrij, ilmu hadis, kajian hadis daif dan mawdu', ilmu rijal dan ilmu yang berkaitan dengan bidang hadis. Pengetahuan tentang laman web ini dapat dimanfaatkan dalam melengkapkan lagi pembinaan Makmal Pengajian Hadis di FPQS.
- iii. Penggunaan laman web di dalam takhrij hadis di kalangan pelajar USIM ini boleh memberi nilai tambah kepada kemahiran insaniyyah keluaran USIM, sekaligus memartabatkan lagi bidang pengajian hadis sejajar dengan perkembangan ICT.

- iv. Hasil kajian ini boleh mengenal pasti kekuatan dan kelemahan laman web ini serta keupayaannya dalam membantu penguasaan pelajar di dalam bidang pengajian Islam terutama di kalangan pelajar di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- v. Kajian ini sebagai usaha perintis di dalam bidang pengajian berkaitan dengan aplikasi di dalam bidang hadis menggunakan teknologi ICT. Pengetahuan asas ini dapat dikembangkan lebih lanjut lagi ke arah penghasilan laman web dan perisian di peringkat FPQS seterusnya USIM.

### **1.2.6 Skop dan Batasan Kajian**

Skop kajian ini tertumpu kepada penggunaan laman web yang menyediakan kemudahan untuk membuat rujukan hadis secara langsung serta menyediakan aplikasi carian hadis (takhrij) secara digital. Kajian memilih laman web *al-Durar al-Saniyyah* sebagai laman web yang dikaji. Pemilihan ini berdasarkan sifatnya boleh dirujuk secara percuma di internet dan memberi kemudahan aplikasi takhrij hadis yang mudah dikendalikan dan rujukannya yang komprehensif. Kajian terfokus kepada penggunaannya di kalangan pelajar pengajian Quran dan Sunnah yang telah mengikuti kursus Takhrij al-Hadith. Kajian juga merangkumi tenaga pengajar yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **1.2.7 Tinjauan Kajian Lepas**

Berdasarkan kepada penyelidikan awal, didapati bahawa tajuk kajian yang dicadangkan ini belum pernah dijalankan oleh mana-mana penyelidik. Namun begitu terdapat sebuah buku mengupas teknik takhrij hadis menggunakan teknologi terkini seperti CD, dan terdapat dua artikel yang membicarakan tentang laman web *al-Durar al-Saniyyah* secara pengenalan dan bagaimana penggunaannya dalam mentakhrijkan hadis. Adapun kajian tentang keberkesanan aplikasi penggunaan laman web *al-Durar al-Saniyyah*, masih belum ada kajian khusus dijalankan. Namun begitu terdapat beberapa kajian dan penulisan yang sedikit sebanyak menyentuh topik kajian.

Dr. Muhammad Abu Laith al-Khair Abadi di dalam karangannya berjudul *Takhrij al-Hadīth Nasy'atuhu Wa Manhajyyatuhu* (2004) menjelaskan secara terperinci tentang teknik takhrij menggunakan pelbagai kaedah tradisional di samping mengupas kaedah terkini iaitu dengan menggunakan komputer. Beliau mengemukakan beberapa contoh perisian yang memudahkan proses pencarian hadis. Namun kaedah takhrij menggunakan laman-laman web tidak disebutkan di dalam buku beliau.

Satu kertas kerja persidangan berjudul Takhrij al-Hadith di era ICT : tinjauan terhadap web *al-Durar al-Saniyyah* (2007) oleh Dr. Adnan Mohamed Yusoff dan Zuhilmi Mohamed Nor membincangkan tentang pengenalan takhrij serta ulasan umum tentang laman web *al-Durar al-Saniyyah* ini. Selain itu, kertas kerja ini juga mengupas kaedah penggunaan, keistimewaan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan ke atas laman web tersebut. Namun kertas kerja ini tidak menyentuh berkaitan aspek penggunaannya di kalangan pelajar khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Perkara yang sama turut dilakukan oleh Jamal Ahmad Badi melalui artikelnya di dalam Jurnal Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah (Vol. 2 No 2 2006) berjudul *al-Juhūd al-'Ilmiyyah li Khidmah al-Sunnah al-Nabawiyyah 'ala Mawāqī' Syabakah al-Ma'lūmāt al-Dawliyyah (Internet): 'Arḍ wa Taḥlīl wa Taqwīm*. Penulis memilih dan mengupas 5 web yang memberikan perkhidmatan dari sudut hadis iaitu; <http://hadith.al-islam.com>, <http://www.dorar.net/mhadith.asp>, [www.ahlalheeth.com](http://www.ahlalheeth.com), <http://www.muhammad.org>, [www.sonnh.com](http://www.sonnh.com). Beliau telah membincangkan web *al-Durar al-Saniyyah* merangkumi pengenalan, cara penggunaan dan contoh penggunaan web. Ia juga termasuk perincian proses pencarian yang tepat dan maklumat-maklumat yang boleh diperolehi di dalam web ini. Keberkesanan, kemudahan dan kajian terhadap pengguna tidak disentuh di dalam artikel ini.

Buku Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan (2006), ada memuatkan satu bab berjudul Kepentingan Ilmu Takhrij: Satu Tinjauan Dalam Konteks Malaysia. Bab ini ditulis oleh Mohd al-'Ikhsan Ghazali. Penulis membincangkan pengertian, kepentingan dan senario Ilmu Takhrij di Malaysia. Artikel ini boleh dijadikan titik tolak kepada sejauh mana perkembangan dan kefahaman masyarakat tentang Ilmu Takhrij dan seterusnya membawa kepada

dorongan dan galakan masyarakat untuk menggunakan laman web *al-Durar al-Saniyyah* sebagai suatu alternatif mengetahui kedudukan sesuatu hadis.

### **1.3 Metodologi Kajian**

#### **1.3.1 Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan yang membabitkan penyediaan laporan secara deskriptif kuantitatif. Oleh itu medium yang bakal digunakan dalam kajian jangka pendek ini dalam pengumpulan data adalah melalui pengedaran borang soal selidik. Kaedah temu bual turut digunakan bagi mendapatkan maklum balas yang lebih terperinci.

#### **1.3.2 Sampel Kajian**

Pemilihan sampel bagi tujuan pengumpulan data kajian ini adalah membabitkan dua kumpulan utama yang terlibat secara langsung dalam penggunaan laman web hadis. Kesemua sampel ini dipilih kerana mempunyai kaitan rapat berhubung kajian persepsi pengguna laman web *al-Durar al-Saniyyah* yang seterusnya dapat menjadi responden tepat bagi mendapatkan data kajian. Sampel-sampel ini adalah seperti berikut :

- i. Para pelajar pengajian Quran dan Sunnah yang telah mengikuti kursus Takhrij al-Hadith,
- ii. Tenaga Pengajar di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah dan tutor-tutor.

#### **1.3.3 Kaedah Pensampelan**

Seperti yang telah dibincangkan bahawa data diperoleh dari dua kumpulan utama iaitu para pelajar dan tenaga pengajar di FPQS yang merupakan kelompok responden yang terlibat secara langsung dalam pencarian hadis secara tradisional dan moden.

Pencarian hadis di kalangan mereka juga adalah tinggi memandangkan setiap ilmu yang diterima dan disampaikan perlu dirujuk ketepatan sumbernya.

Rasional pemilihan kedua-dua kumpulan ini adalah kerana mereka merupakan pengguna yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam ilmu takhrij serta selok-belok kitab hadis. Sampel adalah sebagai pengguna yang sepatutnya menggunakan kemudahan yang disediakan oleh laman web hadis tersebut. Oleh itu mereka merupakan sumber utama yang dapat membantu mengumpul bahan dan data autentik berhubung persepsi penggunaan laman web hadis yang merupakan objektif utama kajian ini. Manakala para pensyarah pula merupakan kumpulan yang terlibat langsung dengan pelajar khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Pemilihan kedua-dua kumpulan ini sebagai sampel berkait rapat dengan bentuk instrumen yang digunapakai dalam mengumpul dan mendapatkan data. Terdapat dua bentuk instrumen yang digunapakai bagi proses pengumpulan data bagi kajian ini, iaitu: 1) borang soal selidik dan, 2) temu bual berstruktur. Instrumen pertama yang digunakan iaitu borang soal selidik diedarkan kepada para pelajar yang dikenalpasti telah mengikuti kursus takhrij hadis sebelum ini. Manakala instrumen kedua iaitu temu bual berstruktur melibatkan tenaga akademik di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

Kaedah persampelan bagi para pelajar iaitu pengedaran borang soal selidik melibatkan beberapa masa luang setiap kumpulan tutorial berdasarkan jadual pelajar. Para pelajar diminta membuat carian sumber hadis menggunakan laman web *al-Durar al-Saniyyah*, iaitu sebanyak 3 buah hadis bagi setiap orang pelajar. Penerangan ringkas diberikan kepada para pelajar berhubung kaedah pencarian hadis menggunakan laman web tersebut sebelum mereka memulakan carian. Di penghujung sesi, borang soal selidik diberikan, kemudian diserahkan kepada penyelidik.

Jumlah pelajar yang menjadi sasaran kajian itu adalah seramai 129 orang, iaitu 86 orang daripada program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian (SmQSKep.(USIM)), dan 43 orang daripada program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian

(SmSPMKep.(USIM)). Namun begitu, dari jumlah pelajar tersebut, hanya 106 borang soal selidik sahaja yang dikembalikan dengan lengkap.

Kaedah persampelan bagi kakitangan akademik fakulti pula iaitu temu bual berstruktur melalui pertemuan secara langsung dengan responden. Satu set soalan yang telah disepakati oleh para penyelidik telah digunapakai sebagai panduan kepada temu bual tersebut. Kakitangan akademik telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan bilangan barisan penyelidik. Kemudian, penyelidik yang ditugaskan itu mengaturkan masa yang bersesuaian dengan kelapangan pensyarah terbabit. Temu bual dijalankan dan hasil dikumpulkan. Ada juga, yang diberikan soalan tersebut dan diminta agar mengembalikan semula kepada penyelidik dalam tempoh waktu tertentu. Semua ini bergantung kepada kekangan masa setiap pensyarah dan komitmen kerja masing-masing.

#### **1.3.4 Instrumen Kajian**

Terdapat dua instrumen utama dalam kajian ini iaitu borang soal selidik dan temu bual. Pemilihan kedua-dua instrumen ini dilihat mampu menyumbangkan data yang mencukupi bagi menjawab objektif kajian kerana ia sudah merangkumi keseluruhan aspek berkaitan dengan penggunaan laman web tersebut di dalam takhrij.

##### **i. Borang soal selidik**

Soalan soal selidik akan diedarkan kepada semua pelajar yang telah mengikuti kursus Takhrij al-Hadith, iaitu sasaran seramai 100 orang. Soal selidik yang akan digunakan ialah *Technology Acceptance Model (TAM)* atau Model Penerimaan Teknologi yang diasaskan oleh Fred D. Davis dari *University of Michigan* (1989).

##### **ii. Temu bual**

Kaedah temu bual ini digunakan bagi mengumpul maklumat autentik daripada para pensyarah atau tenaga akademik Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah berhubung pengalaman penggunaan laman web untuk tujuan rujukan dan pengajaran. Kaedah ini digunakan bagi membantu melengkapkan data yang telah dikumpulkan menggunakan instrumen pertama. Kaedah ini dapat

membantu kajian untuk menjalankan analisis kualitatif berhubung persepsi dan pandangan mereka terhadap kemudahan yang disediakan oleh laman web tersebut.

### **1.3.5 Prosedur Statistik**

Proses pengolahan dan penganalisan data dijalankan berbantuan pakej komputer *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) ver.10 for Windows* untuk mendapatkan suatu keputusan kajian. Kajian analisis statistik deskriptif menggunakan arahan menu *Frequency* (Kekerapan). Analisis ini digunakan bagi menghasilkan kecenderungan memusat seperti nilai peratus, *min*, *median*, *mod* dan *varians*. Ia digunakan untuk mengira respons atau nilai dalam bentuk jadual frekuensi satu hala (*one-way frequency*) bagi mengolah taburan data yang pelbagai (Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, 2001)

### **1.4 Kos Penyelidikan**

Penyelidikan ini yang merupakan tanggungan sepenuhnya para penyelidik serta tidak melibatkan sebarang kos daripada pihak USIM dilihat sebagai proses pembelajaran bagi pensyarah-pensyarah muda yang masih kurang berpengalaman dalam bidang penyelidikan. Namun begitu, para penyelidik berterima kasih kepada pihak pengurusan fakulti yang memberikan ruang untuk memanfaatkan kemudahan di fakulti bagi tujuan penyelidikan ini. Namun begitu, sumbangan ini tidak sia-sia kerana dapatan kajian serta impak berguna daripada keputusan penyelidikan ini dan yang seterusnya dapat membantu meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran hadis di USIM seiring dengan perkembangan teknologi ICT masa kini.

### **1.5 Anggota Penyelidik**

Anggota penyelidik adalah terdiri daripada 5 orang pensyarah USIM. Mereka adalah Tuan Syed Najihuddin bin Syed Hassan selaku ketua penyelidik, dibantu oleh Encik Zuhilmi bin Mohamed Nor, Encik Ahmad Sanusi bin Azmi, Puan Noor Najihan binti Jaafar dan Encik Mohd Zohdi bin Mohd Amin. Kesemua penyelidik adalah pensyarah-pensyarah dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

## BAB DUA

### TAKHRIJ HADIS DAN APLIKASINYA DALAM LAMAN WEB *AL-DURAR AL-SANIYYAH*

#### 2.1 ILMU TAKHRIJ HADIS DAN KEPENTINGANNYA

##### 2.1.1 Pengenalan

Hadis Rasulullah s.a.w. merupakan sumber kedua Islam selepas al-Quran. Hadis memainkan peranan yang penting dalam memberi tafsiran, menyampaikan maklumat tambahan, memudahkan kefahaman, menjelaskan kekeliruan, mendatangkan hukum dan perkara-perkara penting untuk kehidupan manusia di muka bumi Allah s.w.t. ini. Semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat r.a telah berusaha mendengar, menghafal dan mempraktikkan segala ajaran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Seterusnya, para tabi'in pula mengambil hadis-hadis yang disampaikan oleh para sahabat r.a. dan begitulah seterusnya.

Proses ini berlaku sehinggalah kepada zaman bermulanya pengumpulan, penyusunan dan pembukuan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Dari sini terhasil karya-karya yang terkenal dalam bidang hadis Rasul s.a.w. seumpama *Sahīḥ al-Bukhārī*, *Sahīḥ Muslim*, kitab-kitab *al-Sunan al-Arba'ah*, *Sahīḥ Ibn Khuzaimah*, *Sahīḥ Ibn Hibbān*, *Mustadrak al-Hakim*, kitab *al-Muṣannaf*, kitab *al-Musnad* dan banyak lagi. Setiap satu daripada kitab-kitab ini mempunyai kaedah penulisan dan penyusunan yang tersendiri, yang sedikit sebanyak membezakan antara satu penulisan dengan yang lain.

Ulama-ulama yang datang terkemudian sehinggalah ke zaman ini menggunakan hadis-hadis yang telah disusun oleh ulama-ulama besar Islam. Mereka juga menggunakan cara dan pendekatan yang berlainan. Ada di antara mereka yang menukulkan hadis dengan menyebutkan sumberambilannya dan ada yang menukulkannya tanpa menyatakan sumber dan darjat sesuatu hadis tersebut. Begitu juga ketika sesi kuliah dan ceramah yang disampaikan tidak ditekankan aspek sumber

sesuatu hadis itu diambil. Justeru, kedudukan darjat sesuatu hadis itu amat penting diketahui terutamanya pada zaman serba moden ini agar kecelaruan, kesalahfahaman, pertelingkahan dan pendalilan kepada sesuatu dalil yang lemah dapat dijauhi dan dielakkan.

Maka melalui perkara sebegini, jelas menunjukkan kepentingan ilmu *Takhrij al-Hadith* sebagai suatu ilmu yang dapat membongkar asal usul sesuatu hadis berserta darjatnya. Kemunculan sejumlah kitab yang berperanan mentakhrijkan hadis-hadis di dalam kitab-kitab yang tertentu, bersama dengan kaedah-kaedah pentakhrijan dan kunci-kunci mengetahui asal sesuatu hadis semakin melebarkan lagi kepentingan bidang *Takhrij al-Hadith*. Pada zaman serba moden ini, pelbagai jenis cara serta metode pentakhrijan hadis telah dibentangkan kepada khalayak ramai. Kesemua cara dan metode itu telah memudahkan masyarakat umum mengetahui sumber sesuatu hadis itu diambil. Di samping itu, kemunculan cakera-cakera padat yang mengandungi perisian yang memuatkan kitab-kitab hadis secara digital, begitu juga laman-laman web hadis di internet dan sebagainya turut menyemarakkan lagi perkembangan ilmu *Takhrij al-Hadith*.

### 2.1.2 Definisi *Takhrij al-Hadith*

Menurut Majma' al-Lughah al-'Arabiah (2004) perkataan *takhrij* dari sudut bahasa adalah berasal daripada perkataan *خرج* yang membawa erti keluar. Manakala *خَرَجَ* dan *أَخْرَجَ* yang membawa kepada perkataan *تَخْرِيجَ* dan *إِخْرَاجَ* pula bermaksud mengeluarkan, menampakkan dan menzahirkan sesuatu.

Perkataan *Al-Hadith* menurut Shams al-Din Muhammad (2002) bermaksud sesuatu yang baru. Manakala dari segi istilah pula membawa erti: Sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. daripada perkataannya, perbuatan, pengakuan serta sifat Rasulullah s.a.w.

*Takhrij al-Hadith* dari segi istilah membawa erti: Menyandarkan hadis kepada sumber-sumber asalnya daripada kitab-kitab ahli-ahli hadis, serta memperkatakan

tentang kedudukannya setelah dikaji dan diperhatikan keadaannya dari segi sanad dan matan. (Dr. Abu Bakr ‘Abd al-Samad b. Bakr Ali ‘Abid, 2001).

Ketika mensyarahkan lafaz al-Imam al-Suyūṭī (( و بالغت في تحرير التخریج )), al-Imam al-Manāwī (1994) di dalam kitabnya *Faiḍ al-Qadīr* berkata: “Bermaksud: Aku bersungguh-sungguh di dalam menyusun dan menyelaraskan penyandaran hadis-hadis kepada yang mengeluarkannya dari kalangan imam-imam ahli hadis sama ada dari kitab-kitab al-Jawami’, al-Sunan, dan al-Masanid. Dan tidak pula aku sandarkan salah satu hadis itu kepada imam-imam dan kitab-kitabnya kecuali setelah mengkaji tentang hal hadis tersebut beserta dengan perawi-perawinya. Aku tidak cukup hanya dengan menyandarkan kepada sesiapa yang bukan ahli (dalam hadis) walaupun hebat seumpama pakar-pakar tafsir (*mufassirin*).”

Secara kesimpulannya, prinsip-prinsip dan asas-asas *takhrij* berdasarkan kepada perbincangan ulama dan takrifan sebenarnya ialah :

1. Hendaklah *takhrij* itu daripada kitab-kitab imam-imam ahli hadis.
2. Mengandungi perbincangan tentang darjat hadis dari sudut diterima atau ditolak.
3. Penyandaran sesuatu hadis itu kepada sumbernya hendaklah jelas dan mudah untuk dirujuk kepada sumbernya yang asal.

### 2.1.3 Syarat-syarat seorang pentakhrij (*mukharrij*)

Ulama semasa telah meletakkan syarat-syarat seseorang yang boleh melakukan proses pentakhrijan hadis. Ini disebabkan proses *takhrij* adalah suatu proses yang tidak mudah dan memerlukan keahlian tertentu. Lebih-lebih lagi kitab-kitab yang menjadi sumber asal sesuatu hadis adalah kitab-kitab tulisan ulama terdahulu yang memerlukan kepada penelitian dan kemahiran untuk menyingkapnya. Di antara syarat-syarat *mukharrij* menurut Dr. Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi (2004) ialah :

1. Seorang yang memiliki kemahiran di dalam bahasa Arab. Hal ini kerana seluruh sumber hadis adalah dalam bahasa Arab.
2. Memiliki kemahiran yang cukup di dalam ilmu *muṣṭalah al-ḥadīth*. Terutama yang berkaitan dengan istilah-istilah yang digunakan bagi menghukum sesuatu hadis.
3. Telah mengetahui metodologi ulama di dalam kitab-kitab hadis mereka, mengetahui jenis-jenis sumber asal, sumber separa asal dan sumber yang tidak asli.
4. Mengetahui cara-cara mentakhrijkan hadis mengikut kaedah-kaedah yang digariskan oleh para ulama.
5. Memiliki sifat-sifat seperti kesabaran, ketelitian, tidak mudah putus asa. Kerana proses pentakhrijan hadis memerlukan kepada ketekunan dan sikap tidak berputus asa dan tidak jemu membuka kitab-kitab untuk mendapatkan hadis.

#### 2.1.4 Faedah dan Kepentingan *Takhrij al-Hadith*

Secara umumnya takhrij ini amat penting dan berfaedah kepada orang yang mempraktikkannya dan juga kepada pembaca ataupun pengguna. Ini adalah kerana sifat hadis itu sendiri yang amat penting sebagai sumber kedua syariat Islam. Kedudukannya adalah sama dengan kedudukan sunnah itu sendiri. Takhrij merupakan mekanisme untuk mengetahui sumber asal hadis, daripada mana ia dipetik dan seterusnya membawa kepada darjat hadis tersebut.

Seseorang yang ingin mahir dalam ilmu hadis perlu mendalami dan mengetahui *takhrij al-hadith*. Bahkan ia amat penting dan amat diperlukan bagi sesiapa yang berada dalam bidang Pengajian Islam umumnya. al-Imam al-Khaṭīb al-Baghḍādi (1983) berkata: “Telah berkata sebahagian daripada sheikh-sheikh kami: Barangsiapa yang berkehendakkan faedah dan ilmu maka pecahkanlah (bersungguh-sungguh dan perbanyakkan) pena penyalinan dan ambillah (terlibat dan mendalami) pena takhrij”

Menurut Dr. Abu Bakr 'Abd al-Samad b. Bakr Āli 'Ābid (2001) di antara faedah-faedah *takhrij al-hadith* ialah:

1. Memastikan keaslian hadis dan mengetahui darjatnya di sisi ulama hadis.
2. Mengetahui sebarang pertambahan dan kekurangan di dalam matan hadis, yang membawa kepada pengetahuan apakah lafaz yang sahih, daif, munkar, shaz, mudraj dan sebagainya.
3. Mengetahui bentuk-bentuk lafaz hadis yang berbeza-beza yang membawa kepada kefahaman hadis yang sempurna dan dapat mengeluarkan hukum yang bersesuaian dan tepat daripada hadis.
4. Membetulkan nas-nas atau lafaz-lafaz yang tertukar atau tersalah atau yang tidak dipastikan berpandukan riwayat daripada jalan yang lain. Ini akan menyelesaikan masalah nas yang sahih.
5. Membetulkan nama-nama yang ada pada sesuatu isnad, menerangkan serta menjelaskan nama-nama yang tidak sempurna di dalam matan hadis dan memastikan sebutan atau baris yang sahih bagi sesuatu lafaz.
6. Faedah yang kembali kepada orang yang mempraktikkan ilmu *takhrij* itu sendiri iaitu: Membentuk kemahiran dan kemampuan ilmiyyah pada dirinya dalam memastikan kesahihan sesuatu nas dan mengetahui kefahaman-kefahaman berkaitan hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Kepentingan *takhrij al-hadith* ini juga turut melibatkan semua pihak yang mendalami bidang ilmu Pengajian Islam. Ini tidak hanya tertumpu kepada yang mendalami bidang Quran dan Sunnah semata-mata sahaja. Pengamatan dan pemerhatian penyelidik telah mendapati hal sebegini adalah berdasarkan faktor-faktor berikut :

1. Kemunculan banyak hadis yang tidak diketahui asal usulnya serta darjatnya yang sering digunakan oleh orang yang berlatarbelakangkan agama ataupun yang bukan berlatarbelakangkan agama. Sebagaimana yang dikenalpasti ialah satu fenomena yang berlaku pada zaman ini, yang merupakan suatu keadaan yang amat menggalakkan iaitu apabila semua golongan masyarakat teruja dan bersemangat menyampaikan mesej Islam. Namun begitu setelah diselidiki, didapati bahawa tidak semua hadis-hadis yang diutarakan dan dinukilkan

adalah sah dan boleh dijadikan hujah. Malahan ada di antara hadis-hadis tersebut yang bertaraf daif atau lemah malah ada yang bertaraf bohong atau dusta. Justeru, hujah-hujah yang bersandarkan sesuatu hadis perlulah dirujuk status hadis tersebut. Seharusnya juga, dipastikan darjat dan sumber hadis terlebih dahulu serta tidak sewenang-wenangnya dikeluarkan tanpa mengetahui tahap penghujahannya. Hal sebegini memerlukan kepada ilmu tertentu untuk menyelidiki sumber asal sesuatu hadis.

2. Kebanjiran buku-buku agama yang ditulis mahupun dibaca yang dipenuhi dengan hadis-hadis yang jarang-jarang sekali dinyatakan sumber pengambilannya. Justeru, hal yang sedemikian menjadi tanggungjawab dan peranan kepada semua yang terlibat dalam Pengajian Islam untuk menerangkan dan memastikan darjat hadis tersebut. Amalan umat Islam dan masyarakat yang bersandarkan hadis yang daif adalah juga diakibatkan oleh kelemahan orang yang berpendidikan agama untuk mengetahui sumber asal setiap dalil yang dinyatakannya.
3. Pengetahuan tentang sumber sesuatu hadis ataupun *takhrij al-hadith* membawa kepada kefahaman yang sempurna terhadap hadis tersebut. Ini terhasil apabila sesebuah hadis itu dirujuk kepada kitab-kitab yang menghuraikan hadis tersebut mengikut pandangan ulama Islam. Fenomena menghuraikan sesuatu hadis mengikut hawa nafsu dan kepentingan peribadi telah lama wujud sejak zaman bermulanya fitnah di dalam Islam. Malah, hadis bukan sahaja digunakan dengan tafsiran yang salah, akan tetapi direka cipta sesuai dengan kehendak hawa nafsu dan kepentingan tertentu. Justeru, masyarakat Islam memerlukan pentafsiran hadis yang sebenar berdasarkan sumber-sumber yang dipercayai. Dengan yang demikian, hadis-hadis yang tidak diketahui asal usulnya, tidak perlu dijadikan hujah mahupun dalil. Ini menjadi peranan semua pihak yang terlibat dalam mendidik masyarakat. Oleh yang demikian, mereka mestilah mengetahui dengan mendalam tentang cara bagaimana mengenali sumber dan darjat sesuatu hadis.

4. Ilmu *takhrij al-hadith* dapat menyingkap lafaz-lafaz sesuatu hadis, sebab kewujudannya (*sabab wurūd*) dan masa serta suasana timbulnya hadis tersebut. Perkara-perkara ini amat penting bagi semua yang terlibat dalam bidang Pengajian Islam kerana perkara ini bersangkutan paut dengan penetapan sesuatu hukum, kaedah-kaedah hukum yang dibuat, kefahaman terhadap hadis dan penggunaannya serta suasana yang sesuai untuk digunakan.

Perkara-perkara yang telah dinyatakan itu adalah bagi memberi penekanan terhadap kepentingan *takhrij al-hadith* bagi semua cabang bidang Pengajian Islam dan tidak hanya tertumpu kepada bidang Quran dan Sunnah semata-mata. Hal-hal sedemikian perlu diketahui dan diamalkan oleh setiap yang menceburi bidang Pengajian Islam. Tuntutan terhadapnya amat tinggi terutamanya pada zaman yang penuh dengan fitnah dan tipu daya. Sebarang kesilapan akan menyebabkan ajaran Islam dikambinghitamkan oleh pihak musuh dan juga pihak yang membenci Islam.

## 2.2 SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU TAKHRIJ

Perkembangan ilmu takhrij yang ada dewasa ini bukanlah suatu ilmu yang lahir secara kebetulan sahaja, malah bukanlah juga suatu idea yang baru yang lahir pada lewat kurun ini. Ilmu ini adalah satu kesinambungan daripada perkembangan sunnah itu sendiri yang mana telah melalui zaman demi zaman yang berbeza perkembangannya. Pecahan ini akan mengupas perkembangan ilmu takhrij semenjak kurun pertama hijrah sehingga masa kini.

Pada permulaan kurun yang pertama iaitu sebelum sunnah ini dibukukan sepenuhnya, keperluan kepada takhrij tidak begitu tinggi lagi. Ini kerana mereka yang hidup pada zaman tersebut adalah generasi yang masih lagi segar dengan tarbiah yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. Kehebatan generasi tersebut dengan fitrah yang suci dapat dilihat daripada kata-kata al-Barā' bin 'Āzib r.a., "Bukan semua di kalangan kami yang mendengar hadis daripada Rasulullah s.a.w., ada di kalangan kami yang sibuk dengan kerja masing-masing.", Namun manusia pada zaman itu tidak pernah menipu, dengan sebab itulah mereka yang mendengar hadis mampu menyampaikan kepada mereka yang tidak sempat mendengar. Malah Anas bin Malik r.a. pernah berkata,

“Kami tidak pernah menipu dan kami tidak mengenali penipuan.” (Muhammad Abu Laith al-Khair Abadi. 2004).

Namun begitu, sifat manusia semakin mula berubah. Kemunculan manusia yang menipu dan memalsukan hadith mula muncul setelah hilangnya generasi yang terdahulu. Keadaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi setelah berlakunya fitnah sehingga membawa kepada pembunuhan Khalifah Saidina ‘Uthmān bin ‘Affān r.a. Kemunculan berita-berita palsu yang berlaku pada zaman tersebut telah menyebabkan para perawi hadis menjadi lebih teliti dan berhati-hati dalam menerima sesuatu hadis. Perkara ini jelas dapat dilihat dalam kata-kata Ibnu Sirīn dalam Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim yang pernah menyebut “Manusia sebelum ini tidak pernah bertanyakan tentang isnad, tetapi setelah berlakunya fitnah, kami mula mengatakan: Namakan kepada kami nama perawi-perawi sanad (*rijal*) kamu. Sekiranya mereka dari kalangan ahli sunnah, kami terima hadis mereka, tetapi sekiranya mereka di kalangan ahli bid‘ah, kami akan menolak hadith mereka.”. Semua peristiwa yang berlaku ini adalah bibit-bibit terawal kepada bermulanya kemunculan ilmu *takhrij al-hadith*.

Bibit-bibit awal yang membawa kepada kemunculan ilmu takhrij ini bermula pada era yang dinamakan sebagai zaman kegemilangan penulisan ilmu hadis itu sendiri di mana pada zaman tersebut ilmu hadis berkembang dengan pesatnyanya. Segalanya sudah mula ditulis dan dibukukan, malah apa saja yang ditulis telah mula disemak terlebih dahulu oleh penulisnya untuk dipastikan kebenarannya. Bertitik tolak dari sinilah bermulanya tunas awal kepada kemunculan ilmu takhrij sehinggalah ilmu ini berkembang kepada bentuknya yang ada pada zaman ini.

Sebagaimana yang sedia diketahui, pakar-pakar hadis pada kurun-kurun terawal Islam tidak dikira mahir dalam ilmu riwayat sehinggalah mereka mengenalpasti hadis daripada selainnya, mampu meneliti dan mengenal pasti ‘illahnya, dan mampu untuk meriwayatkan hadis dalam bentuk yang pelbagai dan isناد yang berbeza-beza. Keperluan kepada ilmu takhrij pada zaman tersebut memang wujud tetapi tidak serancak keperluan masa kini. Hal ini bersesuaian dengan zaman tersebut yang terkenal dengan ketelitian perawi dalam meriwayatkan hadis dan *athar*. Amat sedikit sekali ahli hadis yang tidak menghafal hadis berserta dengan sanadnya. Malahan, pada

zaman tersebut sudah memadai untuk dikatakan bahawa seseorang itu sudah dianggap mentakhrijkan hadis walaupun dengan hanya sekadar menyebut "hadis ini diriwayatkan daripada *fulan* dan *fulan* daripada kalangan sahabat dan tabi'in". Dengan menyandarkan sesuatu hadis kepada seseorang boleh dianggap sebagai takhrij kerana beliau telah menyebut sumber hadisnya.

Menurut Dr. Abu Bakr 'Abdul al-Samad (2001), perkembangan dan asas ilmu takhrij dimulakan oleh al-Imam Abu 'Isa al-Tirmidhi (w 279H) dalam kitabnya al-Jāmi', di mana beliau telah menyebut selepas setiap hadis yang diriwayatkan: dan di dalam bab ini daripada *fulan* dan daripada *fulan*. Perbuatan al-Tirmidhi pada waktu itu sudah dianggap sebagai takhrij. Dan dalam masa yang sama, pada kurun ini juga telah lahir keinginan yang tinggi di kalangan ulama-ulama hadis ketika itu untuk mencari *al-isnād al-'āli* iaitu sanad yang tinggi yang mana jumlah perawinya adalah lebih sedikit berbanding riwayat yang lain. Kesungguhan mereka mencari sanad yang tinggi ini telah melahirkan satu usaha yang dinamakan sebagai *istikhrāj* iaitu mereka mengeluarkan hadis daripada satu kitab yang lain, dengan sanad mereka sendiri bagi mencari sanad yang lebih tinggi. Usaha *istikhrāj* ini adalah salah satu fenomena awal kepada munculnya kitab takhrij yang lebih sempurna pada kurun yang berikutnya. Antara mereka yang melakukan usaha *istikhrāj* ini ialah:

1-Abu al-Fadl Ahmad bin Salamah al-Bazzār al-Naisābūrī (w288H)

2-Abu Muhammad bin Muhammad bin Rajā' al-Isfarāyīnī al-Naisābūrī (w286H). Mereka berdua ini telah melakukan *istikhrāj* ke atas kitab Ṣaḥīḥ Muslim dan dinamakan sebagai al-Mustakhraj 'Ala Ṣaḥīḥ Muslim.

3-Abu 'Ali al-Hasan bin Ali bin Nasr al-Ṭūsi al-Khurāsāni (w312H). Beliau telah mengeluarkan hadis-hadis di dalam Jami' al-Tirmidhi.

4- Abu Abdullah Muhammad bin 'Abd al-Malik bin Aiman bin Faraj al-Qurtubi al-Andalūsi (w330H). Beliau telah mengeluarkan hadis-hadis yang ada di dalam Sunan Abu Daud.

Pada kurun ini juga terdapat beberapa ulama yang melakukan takhrij dengan kaedah mereka sendiri. Mereka mengumpulkan hadis-hadis daripada seseorang sahabat atau tabi'in kemudian mereka menamakan kitab atau hasil mereka ini sebagai takhrij kerana hadis yang mereka kumpulkan tersebut telah disandarkan kepada tuan asalnya. Antara mereka yang melakukan takhrij sebegini ialah :

- 1- Abu Umayyah al-Ṭarsūsī (w273H). Beliau telah mengumpulkan hadis-hadis Ibnu 'Umar, kemudian beliau menamakan kitab beliau sebagai "Musnad Abdullah bin Umar Takhrij Abi Umayyah al-Ṭarsūsī.
- 2- Ibnu al-Baghandi (w312H). Beliau mengarang kitab Musnad 'Umar bin Abd al-'Azīz Takhrij al-Baghandi.

Kesemua fenomena takhrij yang berlaku seperti di atas berlaku secara berterusan dalam kurun kedua dan ketiga hijrah sehinggalah munculnya Imam al-Dāruqutni (w385H) dengan satu kaedah takhrij yang baru. Kaedah tersebut ialah beliau mengumpulkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh seorang syeikh daripada syeikh-syeikhnya, kemudian meletakkannya dalam satu kitab dan menyandarkannya kepada imam-imam yang terdahulu seperti imam-imam al-Sunan al-Sittah.

Tujuan dilakukan sebegini adalah untuk memastikan setiap hadis yang diriwayatkan oleh syeikh tersebut adalah sama dengan apa yang telah diriwayatkan oleh imam-imam yang terdahulu daripadanya. Perbuatan al-Dāruqutni ini adalah satu teknik takhrij yang baru yang dihasilkan bagi memastikan riwayat seseorang syeikh tersebut haruslah konsisten dengan apa yang telah diriwayatkan oleh imam sebelumnya. Kaedah ini juga telah dianggap sebagai satu teknik takhrij kerana beliau telah menyandarkan hadis tersebut kepada orang yang asal yang meriwayatkannya.

Antara ulama yang melakukan proses takhrij sebegini ialah :

- 1- Abu al-Hasan Ali bin 'Umar al-Dāruqutni (w385H). Beliau telah mengarang kitab "Takhrij Ḥadīth Abi Ishāq Ibrahim bin Muhammad al-Muzakkī al-Naisābūrī (w362H).
- 2- Abu al-Fath Muhammad bin Ahmad, Ibnu Abi al-Fawāris al-Baghdādi (w412H). Beliau telah mengarang kitab Takhrij Fawā'id Abi Ṭāhir al-Mukhallis (w393H).

3- Abu Bakr Ahmad bin al-Husain al-Baihaqī (w458H). Beliau telah menulis kitab Takhrij Aḥādīth al-Umm li al-Imām al-Syāfi‘i (w204H).

Kaedah takhrij yang dilakukan oleh Imam al-Dāruqutni dan al-Baihaqī tadi berlaku pada kurun yang keempat dan kelima hijrah. Namun pada kurun yang keenam telah berlaku peningkatan yang menarik di dalam perkembangan ilmu takhrij. Ini adalah kerana perkembangan kaedah takhrij yang berlaku dalam kurun yang keenam ini adalah satu kaedah takhrij yang hampir sempurna seperti yang difahami dan dikenali pada hari ini. Kaedah takhrij pada kurun ini berlaku dengan mereka menyandarkan sesuatu hadis kepada kitab yang dikarang oleh imam-imam yang terdahulu, kemudian mereka menambah satu teknik baru iaitu meletakkan hukum ke atas hadis yang mereka keluarkan tersebut.

Meletakkan sesuatu hukum ke atas hadis adalah suatu perkembangan yang baru yang mana tidak pernah dilakukan oleh imam-imam yang sebelum ini. Justeru dengan sebab itulah Dr. Mahmud Al-Tahhan (1996) menganggap al-Khaṭīb al-Baghdādī adalah antara orang yang pertama mengarang kitab takhrij yang 'sempurna' kerana beliau telah meletakkan hukum hadis ke atas hadis yang ditakhrijkan olehnya. Dan di antara ulama yang telah mengarang kitab takhrij berdasarkan kaedah ini ialah :

- 1- Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali bin Thābit al-Khatib al-Baghdādī (w463H). Beliau telah mengarang kitab Takhrij al-Fawā'id al-Muntakhabah al-Ṣiḥāḥ wa al-Gharā'ib li al-Syarīf Abi al-Qāsim al-Husainī.
- 2- Abu Bakr Muhammad bin Mūsa al-Hazimī al-Hamdāni (w584H). Beliau telah mengarang kitab Takhrij Aḥādīth al-Muhadhdhab li Abi Ishāq Ibrāhīm bin ‘Ali al-Syirāzī (w476H).
- 3- Syams al-Dīn Muhammad bin Ahmad bin ‘Abdul Hādi al-Maqdisī (w744H). Beliau telah mengarang kitab Takhrij Aḥādīth al-Mukhtaṣar al-Kabīr fi al-Uṣūl li Ibni al-Ḥājib (w646H).

Malah kaedah takhrij ini telah diikuti sehingga zaman kini sehingga terdapat di kalangan pelajar ijazah lanjutan pasca siswazah Sarjana dan Doktor Falsafah yang memilih untuk menulis tesis mereka dengan melakukan takhrij seperti kaedah ini. Antaranya ialah :

1- Dr. 'Ali Muhammad Naşir Faqīhī. Beliau telah mentakhrijkan hadis-hadis di dalam kitab al-Īmān li Ibn Mandah (w395H). Takhrij ini adalah tesis Doktor Falsafah beliau di Universiti Ummu al-Qura.

2- Dr. Ahmad bin Sa'ad bin Hamdan. Beliau telah mentakhrijkan hadis-hadis Syarh Uşūl 'Aqā'id Ahl al-Sunnah li al-Lālakā'i.

3- Ahmad Sanusi bin Azmi. Beliau telah mentakhrijkan hadis-hadis di dalam kitab Munyat al-Musolli karangan Syeikh Daud al-Fattani.

## **2.3 TEKNIK-TEKNIK ASAS ILMU TAKHRIJ**

### **2.3.1 Keadaan Nas Yang Ingin Ditakhrijkan**

Secara umumnya setiap hadis dan kata-kata sahabat r.a mestilah mempunyai lafaz (*matan*) atau nasnya yang tersendiri. Nas dan lafaz inilah yang perlu diketahui berkaitan dengan sumber dan memastikan darjatnya. Nas-nas atau lafaz-lafaz hadis itu mempunyai beberapa keadaan :

1. Kemungkinan ia adalah sebahagian daripada hadis yang panjang, sama ada yang sebahagian hadis itu pada permulaannya, atau pertengahannya mahupun akhirnya.
2. Kemungkinan lafaz atau hadis yang ingin ditakhrijkan itu diriwayatkan menggunakan makna dan tidak secara lafaz yang tepat seperti di dalam kitab-kitab asal. Ini menyebabkan ia mungkin berasal daripada dua buah hadis tetapi digabungkan di dalam satu lafaz.
3. Kemungkinan sesuatu hadis itu dinyatakan sanadnya, atau sebahagian sanadnya ataupun tidak dinyatakan langsung sanadnya.

4. Kemungkinan hadis itu disebutkan lafaz atau matannya secara sempurna bersama dengan sumber hadis itu diambil secara ringkas. Contohnya : Hadis ini diriwayatkan oleh al-Imam al-Baihaqi.

### 2.3.2 Kaedah Takhrij Hadis

Setiap satu daripada keadaan-keadaan ini perlu dilihat bagi menentukan cara yang paling mudah dan cepat untuk mentakhrijkan sesuatu hadis. Kesimpulannya, daripada keadaan lafaz yang ada, cara atau kaedah pentakhrijan hadis itu adalah :

1. Takhrij hadis dengan melihat dan berpandukan kepada sanadnya atau sebahagian sanadnya.
2. Takhrij hadis dengan melihat dan berpandukan kepada lafaz-lafaz hadis (matan).
3. Takhrij hadis dengan melihat dan berpandukan kepada topik perbincangan di dalamnya serta maksud hadis tersebut.
4. Takhrij hadis dengan melihat dan berpandukan kepada keadaan hadis itu secara umum dari sudut sanad dan matan. (Maḥmūd Al-Ṭaḥḥān, 1996)

Inilah cara-cara pentakhrijan hadis yang dinyatakan oleh ulama dengan menggunakan kitab-kitab sebagai sumber asal. Setiap daripada cara ini mempunyai kitab-kitab tertentu bagi memudahkan prosesnya. Seseorang pentakhrij hadis akan menggunakan sebanyak mungkin cara yang boleh bagi memaksimumkan pencariannya. Semua kaedah-kaedah ini telah diterangkan dengan panjang lebar di dalam kitab-kitab *Takhrij al-Hadith*. Ia bergantung kepada cara yang dipilih dan mudah digunakan. Di antara kitab-kitab yang mengupas cara-cara ini dengan panjang lebar ialah :

1. *Kitab Uṣūl al-Takhrīj wa Dirasat al-Asānīd* oleh Dr. Maḥmūd al-Ṭaḥḥān.
2. *Kasyf al-Lithām ‘an Asrār Takhrīj Ḥadīth Sayyid al-Anām* oleh Dr. ‘Abd al-Mawjūd Muhammad ‘Abd al-Laṭīf.
3. *Al-Madkhal ila Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār wa al-Hukm ‘Alaiḥā* oleh Dr. Abu Bakr ‘Abd al-Samad Āli ‘Ābid.

4. *Takhrīj al-Ḥadīth: Nasy'atuhu wa Manhajīyyatuhu* oleh Dr. Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi.
5. *Turuq Takhrīj al-Ḥadīth* oleh Dr. Sa'ad bin Abdullah Ali Hamid. Dan lain-lain.

Di zaman era globalisasi ini telah muncul beberapa kaedah lain untuk mentakhrijkan hadis iaitu :

1. Takhrij hadis dengan menggunakan perisian-perisian hadis.
2. Takhrij hadis dengan menggunakan web-web tertentu yang membantu menyatakan sumber asal hadis dan darjatnya.

Kedua-dua jenis kaedah ini hanya menggunakan komputer dan perisian tertentu yang akan menunjukkan sumber asal sesebuah hadis Rasulullah s.a.w. Ia dianggap cara yang termudah pada zaman ini. Sesiapa yang mempunyai kemahiran berkomputer dan boleh berbahasa Arab akan mengetahui serba sedikit asal usul sesuatu hadis. Kaedah-kaedah dengan melihat sanad hadis, lafaz-lafaz, topik kandungan hadis, keadaan hadis dan kaedah menggunakan CD tidak dikupas di dalam kajian ini. Namun begitu, kajian ini akan cuba memperkenalkan salah satu laman web yang boleh digunakan untuk mengetahui asal usul hadis dan hukumnya menurut pendapat ulama.

#### 2.4 TAKHRIJ AL-HADITH MENGGUNAKAN LAMAN WEB TERTENTU (Tumpuan kepada Laman Web *al-Durar al-Saniyyah*) الدرر السنية

*Takhrij al-Hadith* menggunakan web yang tertentu sebenarnya boleh dimasukkan di dalam kaedah *Takhrij al-Hadith* dengan melihat dan berpandukan kepada lafaz-lafaz hadis (*matan*). Ini kerana ia memerlukan kepada seseorang itu mengetahui sekurang-kurangnya satu perkataan di dalam hadis. Kaedah ini hanya memerlukan kepada seseorang itu mempunyai sambungan internet dan perisian yang serasi bahasa Arab di dalam komputernya.

## BIBLIOGRAFI

- al-‘Ābid, Abu Bakr, ‘Abd al-Samad Bakr. 2002. *al-Madkhal ilā Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār wa al-Hukm ‘alaihā*. al-Madinah al-Nabawiyah al-Munawwarah: t.p.
- Abu al-Khair, Mustafa Hasan. 1997. *al-Qaul al-Mufīd Fī Fann al-Takhrīj*, Kaheerah: Dār al-Ṭiba‘ah al-Muḥammadiyah.
- Adnan Mohamed Yusoff dan Zulhilmi Mohamed Nor. 2007. *Takhrīj al-Ḥadīth di era ICT : tinjauan terhadap web al-Durar al-Saniyyah*. Prosiding Seminar Warisan Nabawi. Negeri Sembilan: USIM.
- Ahmad Badi, Jamal. 2006. *al-Juhūd al-‘Ilmiyyah li Khidmah al-Sunnah al-Nabawiyah ‘ala Mawāqī‘ Shabkah al-Ma‘lūmāt al-Dawliyyah (Internet): ‘Ard wa Taḥlīl wa Taqwīm*. Jurnal Ma‘alim al-Quran wa al-Sunnah. Vol. 2. USIM.
- al-Baghdadi, Abu Bakr bin ‘Ali al-Khatib. 1983. *al-Jami’ li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami’*. al-Riyadh : Maktabah al-Ma’arif.
- Davis, F.D. 1989. *Perceived Usefulness, Perceived Ease Of Use And User Acceptance Of Information Technology*. MIS Quarterly. 13;3;319-340.
- al-Khair Abadi, Muhammad Abu Laith. 2004. *Takhrīj al-Ḥadīth Nasy’atuhu wa Manhajiyyatuhu*. Selangor: Darul Syakir.
- Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiah. 2004. *al-Mu‘jam al-Wasīf*. Republik Arab Mesir: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah.

- Mohd al-'Ikhsan Ghazali. 2006. *Kepentingan Ilmu Takhrij: Satu Tinjauan Dalam Konteks Malaysia*. Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan. Selangor: KUIS.
- Muhammad Mahmud Ahmad Hasyim. 1997. *al-Qaul al-Sahl al-Maqbūl Fī Turuq Takhrij Ḥadīth Al-Rasūl*. Zaqaziq: Kuliyyah Usuluddin.
- al-Manāwi, Muhammad 'Abd al-Rauf. 1994. *Faiḍ al-Qadīr Syarh al-Jāmi' al-Ṣaghīr min Aḥādīth al-Basyīr al-Nadhīr*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al- Sakhāwi, Shams al-Dīn Muhammad. 2002. *al-Ghayah Syarh Manzūmah al-Hidāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jones, A.B., Hubona, G.S. 2005. *Individual Differences and Usage Behavior: Revisiting a Technology Acceptance Model Assumption*. The Data Base For Advances in Information Systems – Spring 2005 (Vol. 36 No.2) p58-77.
- Al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd. 1996. *Uṣūl al-Takhrij Wa Dirasat al-Asānīd*. Riyadh: Maktabah Ma'arif Li Al-Nasyr wa Al-Tauzi'.
- Al-Saqqāf, 'Alawi. 2008. *Taysīr al-Wuṣūl ilā Aḥādīth al-Rasūl*. <http://dorar.net/enc/hadith.php>.